

5 JAN 1996

#### KUB MUNGKIN DIKORPORATKAN 10 BULAN LAGI

PETALING JAYA, 5 Jan (Bernama) -- Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Bhd (KUB), sebuah koperasi yang dikuasai UMNO, mungkin mengambil masa kira-kira 10 bulan lagi untuk dikorporatkan sebagai sebuah syarikat awam sebelum disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kata pengerusinya, Hassan Harun hari ini.

Menurut beliau, jangka masa tersebut tertakluk kepada kelulusan pihak-pihak berkuasa berkenaan. Rancangan pengkorporatan itu yang dibuat selaras dengan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Moahamad, dijangka dikemukakan kepada lembaga pengarah KUB bulan ini sebelum diajukan kepada Suruhanjaya Sekuriti.

Hassan yang juga salah seorang anggota Majlis Tertinggi UMNO memberitahu demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani kontrak antara anak syarikat KUB, KUB Holdings Bhd serta rakan usaha samanya dan Tenaga Nasional Bhd hari ini.

Menurut Hassan, KUB mempunyai beberapa pilihan dalam usaha menjadi sebuah syarikat awam termasuk kemungkinan membeli sebuah syarikat yang sudah disenaraikan di BSKL.

Katanya, ahli-ahli KUB yang kini berjumlah 168,488 orang harus bersabar kerana pengkorporatan KUB, koperasi pertama berbuat demikian di Malaysia, adalah amat rumit kerana ia bukan sahaja melibatkan undang-undang yang membabitkan koperasi tetapi juga syarikat.

Hassan berkata pelaksanaannya akan juga bergantung kepada kelulusan ahli-ahli KUB yang akan menjadi pemegang saham korporat itu kelak.

Katanya, kelewatan pengkorporatan ini telah memberi manfaat kepada ahli KUB berikutan peningkatan nilai saham mereka melalui pemilikan beberapa aset oleh KUB, termasuk 30 peratus kepentingan dalam United Malayan Banking Corporation (UMBC), daripada pemegang saham kecilnya seperti Petronas dan Pernas.

Menurut Hassan, pemilikan ini akan dibiayai melalui dana dalaman dan pinjaman.

Di antara pembelian-pembelian lain yang akan dibuat oleh KUB dalam urusan pengkorporatan ini termasuklah 71 peratus kepentingan dalam Maga Textile (M) Sdn Bhd, 60 peratus kepentingan dalam Tele Dynamics Sdn Bhd dan 55 peratus ekuiti dalam Bina Alam Bersatu Sdn Bhd.

KUB melaporkan keuntungan kumpulan sebelum cukai RM78 juta dalam tahun 1994 daripada pendapatan operasi sebanyak RM133 juta.-- BERNAMA